



Robotics and SMART CITY unit ENGINEERING

Vol. 1 (2025), Issue 3 (Feb) : Journal



- Pengenalan
- Bab 1 – Definisi Kecerdasan Buatan (AI)
- Bab 2 – Pematuhan Terhadap Perundangan dan Polisi di Malaysia
- Bab 3 – Tujuh Prinsip Etika AI
- Bab 4 – Peranan dan Tanggungjawab Aktor AI
- Bab 5 – Tatacara Mengguna Pakai AI dalam Sektor Awam
- Bab 6 – Pengurusan Risiko AI
- Lampiran 1 – Use Case AI Sektor Awam Peringkat Global
- Lampiran 2 – Use Case AI Sektor Awam di Malaysia
- Lampiran 3 – Penilaian Kendiri untuk Menilai Pematuhan Etika AI
- Penghargaan
- Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam
- Penilaian Kendiri AI Sektor Awam (Online Tools)

Maklumat Penuh:

<https://www.jdn.gov.my/wp-content/uploads/2025/02/Pengenalan.pdf>

Rujukan:

1. <https://ai.gov.my/>
2. <https://www.jdn.gov.my/>
3. <https://www.mydigital.gov.my/>

Olahan Semula:

Ikhwan

Potensi Kecerdasan Buatan (AI) di sektor awam yang semakin berkembang pesat perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk membangunkan sektor yang lebih dinamik, berdaya saing dan responsif terhadap rakyat. Pengadaptasian AI di sektor awam mampu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperkukuh ketepatan pembuatan keputusan, mengoptimumkan pengurusan sumber dan mempertingkatkan pengurusan keselamatan awam. Selain itu, AI turut menyokong prinsip ketelusan dan akauntabiliti melalui proses kerja yang lebih jelas. Dengan pendekatan strategik, AI dapat mentransformasi sektor awam ke arah yang lebih inovatif dan inklusif.

Justeru, Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) untuk Sektor Awam telah dibangunkan sebagai rangka kerja strategik untuk memastikan pengadaptasian AI dilakukan secara bertanggungjawab dan beretika. Garis panduan ini dibangunkan melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan, termasuk kementerian, agensi di bawah kementerian, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan menerusi beberapa sesi libat urus. Ia juga dibangunkan selaras dengan keutamaan nasional dan piawaian antarabangsa, dengan mengambil kira keperluan khusus agensi sektor awam.

Sebagai pelengkap kepada Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (National AIGE), garis panduan ini menyediakan pelan tindakan yang terperinci dan praktikal yang disesuaikan untuk kegunaan dan rujukan penjawat awam daripada pelbagai agensi, rakan industri dan orang awam.

Garis panduan ini hendaklah dirujuk bersama rangka kerja yang sedang berkuat kuasa, seperti contoh (tidak terhad kepada); Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (Cloud Computing) Dalam Perkhidmatan Awam, Garis Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) dan Garis Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA), bagi memastikan pelaksanaan tadbir urus AI yang menyeluruh dan berkesan.